



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
2755, Jalan Sentosa
86000 Kluang, Johor Darul Takzim.

Tel : 07-7722946
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj Kami : PPDKLG.600-4/1/1 Jld 2 ()
Tarikh : 6 JUN 2025

Pengetua dan Guru Besar
Sekolah Menengah Dan Rendah Daerah Kluang
(u/p: GPK Ko Kurikulum Dan Pengurus Pasukan Olahraga)

Tuan,

**KEJOHANAN OLAHRAGA BAWAH 11,12,14,15 DAN 18 TAHUN
MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH (MSS) DAERAH KLUANG TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah (MSS) Daerah Kluang Tahun 2025 akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 16 Hingga 20 Jun 2025 (Isnin Hingga Jumaat)
Masa : 8:00 pagi – 5:30 petang
Tempat : Kompleks Perbadanan Stadium Kluang

3. Sebagaimana telah diputuskan dalam mesyuarat pengurusan Kejohanan Olahraga MSSD Kluang pada 27 Mei 2025 di Bilik Mesyuarat SMK Taman Kluang Barat yang lalu, bahawa setiap zon (bagi sekolah rendah) yang menyertai kejohanan ini dikenakan bayaran RM300.00 dan RM35 / Kategori (sekolah menengah) untuk setiap pasukan. Bayaran ini adalah bagi urusan pengelolaan program.


4. Pembayaran boleh dibuat ke dalam akaun SUWA CIMB Bank atas nama **SEKOLAH TINGGI KLUANG** jika menggunakan cek manakala bayaran secara tunai boleh diserahkan kepada pihak urusetia sebelum atau selewat-lewatnya pada 16 Jun 2025 (Online Transfer tidak dibenarkan)

5. Sebarang pertanyaan sila hubungi En Mohd. Mubin Yazzer Bin Tulos, Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid di talian 07-7741103. Kerjasama dari pihak tuan amat kami harapkan demi untuk melonjakkan kecemerlangan sukan MSSD Kluang di peringkat tertinggi

Sekian, terima kasih.

"SYNERGY IN EXECUTION : CONQUER THE CHALLENGE"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(HJ. AYUB BIN IBRAHIM)
Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang.

s.k 1. Pengerusi Teknik MSSD Olahraga
2. Fail